

BI mata pelajaran wajib?

KUALA LUMPUR - Sasterawan ulung Inggeris, William Shakespeare pernah berkata: *to be or not to be, that is the question.*

Petikan pujangga itu bermain di fikiran apabila dirujuk sama ada bahasa Inggeris patut dijadikan mata pelajaran wajib untuk lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin melontarkan persoalan itu untuk dibincangkan oleh orang ramai dan bagi kerajaan mendapatkan maklum balas.

Katanya, beliau dimaklumkan bahawa ramai pelajar di luar bandar akan gagal SPM jika bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib untuk lulus.

"Dengan itu, saya tidak fikir ia (tidak menjadikan mata pelajaran bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib untuk lulus) memenuhi tujuan kerana bahasa Inggeris adalah bahasa yang amat penting yang kita gunakan dalam kehidupan seharian kita," katanya semasa merasmikan penubuhan Persatuan Alumni Maktab Kirby yang baru di sini semalam.

Menurut beliau, untuk meningkatkan kualiti kemahiran dan penguasaan bahasa Ing-



MUHYIDDIN bersalaman dengan seorang ahli pada majlis perasmian penubuhan Persatuan Alumni Maktab Kirby di Bukit Kiara, Kuala Lumpur semalam.

geris di kalangan pelajar, pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris perlu dilakukan oleh guru berkelayakan.

"Mungkin idea yang baik ialah mencontohi konsep Maktab Kirby, (iaitu menghantar

guru belajar bahasa Inggeris di persekitaran yang bertutur dalam bahasa Inggeris," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin memberitahu, sumbangan guru lepasan Maktab Kirby ada-

lah amat besar dan mereka telah berkhidmat dengan penuh dedikasi pada tahun 1950-an dan 1960-an iaitu ketika sekolah-sekolah masih daif dan kemudahan pelajaran masih kurang.